



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 30 OGOS 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TAMAN PERTANIAN SEKAYU JADI TUMPUAN PEMINAT PULASAN, SH -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2. 3. 4. 5.	800 TAN METRIK IKAN MATI, SINAR UTARA, SH -34 PENTERNAKAN IKAN SANGKAR DI TANJUNG PIANDANG BERISIKO LUMPUH, BH -ONLINE KEINDAHAN SEMULA JADI TERPELIHARA, SANTAI, HM -70 MARINE PARK STILL UNSAFE FOR TURTLES, NEWS/NATION, NST -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7.	SUKAR KALKAN TANAH PERTANIAN, UM -ONLINE CARI KAEDAH SEIMBANGKAN TANAH PERTANIAN, PEMBANGUNAN, UM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8.	PETANI DISARAN USAHAKAN TANAMAN PERTANIAN BERNILAI TINGGI DI PASARAN, NEWS, SABAH NEWS TODAY -9	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Taman Pertanian Sekayu jadi tumpuan peminat pulasan



KUALA BERANG - Setiap kali musim buah, Taman Pertanian Negeri Sekayu (TPNS) di sini menjadi tumpuan ramai untuk mendapatkan pelbagai jenis buah-buahan segar dari dusun pada harga berpatutan.

Sebut sahaja apa jenis buah-buahan tempatan, semuanya ada di dusun seluas 20 hektar di taman pertanian itu.

Namun, keunikan sebenar TPNS ialah ia satu-satunya dusun yang menanam pokok pulasan berskala besar di Terengganu iaitu sebanyak 200 pokok.

Pengurus TPNS Mohd Amran Awang berkata pengeluaran buah pulasan tahun ini dijangka meningkat kepada lima tan berbanding tiga tan pada tahun lepas.

"Dusun pulasan di TPNS seluas 1.5 hektar mula mengeluarkan hasil sejak lima hari lalu dan dijangka berterusan sehingga pertengahan September.

"Setiap hari, memang ramai yang datang ke TPNS ini untuk membeli buah pulasan yang dijual sangat murah iaitu hanya RM10 untuk tiga kilogram berbanding RM5 hingga RM7 sekilogram di pasaran luar," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Katanya, selain menjual pulasan kepada orang ramai, TPNS turut memberi sumbangan buah eksotik itu kepada murid sekolah di sekitar Hulu Terengganu sebagai kempen menggalakkan mereka memakan buah-buahan tempatan.

"Masih ramai yang tidak kenal buah pulasan, malah ramai yang keliru kerana rasanya yang mirip dengan rambutan...setiap tahun saya akan menerima pelbagai soalan dari pengunjung kerana mereka mengatakan buah ini agak sukar didapati di pasaran.

"Di sini, pengunjung bukan sahaja berpeluang membelinya dengan harga yang murah malah berpeluang memetikinya sendiri dari pokok di samping meneroka lebih banyak ilmu berkaitan sektor pertanian," katanya.

TPNS yang terletak bawah pengurusan Jabatan Pertanian Negeri Terengganu mula dibangunkan pada 1983 bagi empat tujuan iaitu pelancongan berasaskan pertanian, ekonomi, pendidikan dan sebagai kemudahan rekreasi untuk orang ramai.- Bernama

800 tan metrik ikan mati

*Industri
penternakan
akuakultur Perak
hampir lumpuh*

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

PARIT BUNTAR

Kerajaan Perak mengakui industri penternakan akuakultur negeri itu hampir lumpuh susulan fenomena ikan ternakan sangkar mati di perairan Tanjung Piandang di sini sejak Isnin lalu mengakibatkan 24 pengusaha kerugian sekitar RM20 juta.

Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Perak, Abdul Yunus Jamhari berkata, berdasarkan maklumat awal Jabatan Perikanan Negeri Perak, kejadian tersebut paling teruk dalam sejarah industri apabila jumlah ikan yang mati dianggarkan hampir 800 tan metrik.

Menurutnya, pihaknya sedang menunggu laporan siasatan daripada Jabatan Perikanan bagi melihat punca sebenar



Abdul Yunus (tiga dari kanan) melihat ikan Jepahak yang mati di kolam penternakan milik Yoong Qin.

kejadian itu yang menyebabkan banyak spesies ikan seperti Jenahak, merah, bawal, siakap, nyok-nyok dan sebagainya mati.

"Berdasarkan maklumat awal, Jabatan Perikanan tidak menolak kemungkinan kejadian berpunca daripada kemerosotan kualiti air sehingga menyebabkan peratusan oksigen terlarut dalam air begitu rendah.

"Keadaan itu mungkin di-

sebabkan kehadiran plankton dan alga yang dibawa arus ke kawasan sangkar sebelum ini ditambah dengan senario air laut mati ketika ini," katanya ketika melawat kawasan sangkar penternakan akuakultur di perairan Tanjung Piandang di sini semalam.

Abdul Yunus berkata, satu perjumpaan khas akan diadakan antara pengusaha yang terjejas dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan,

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan persatuan nelayan setempat bagi membincangkan kaedah terbaik membantu mereka.

Sementara itu, wakil pengusaha penternakan ikan sangkar, **Ang Yoong Qin**, 29, merayu kerajaan menyediakan bantuan pinjaman modal kepada pengusaha terjejas untuk membina semula industri penternakan akuakultur yang hampir terkubur di Kerian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

Penternakan ikan sangkar di Tanjung Piandang berisiko lumpuh



Malaysia.

PARIT BUNTAR: Aktiviti penternakan ikan sangkar di Tanjung Piandang di sini, berisiko lumpuh susulan kematian pelbagai spesies ikan, dipercayai akibat kekurangan oksigen sejak Isnin lalu.

Sehingga kini, seramai 24 pengusaha ternakan ikan sangkar di kawasan itu mendakwa kerugian hampir RM20 juta berikutan lebih 800 tan metrik ikan mati.

Antara spesies ikan yang mati ialah jenahak, siakap, bawal emas dan ikan merah.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan negeri, Abdul Yunus Jamhari, berkata kejadian itu menjejaskan pasaran ikan dari daerah Kerian yang menjadi antara penyumbang terbesar ternakan akuakultur di Perak dan Semenanjung

"Hasil lawatan dan maklumat yang diperoleh selepas meninjau lokasi itu, saya boleh katakan aktiviti penternakan ikan sangkar di kawasan itu yang terletak kira-kira 1.8 kilometer dari pantai hampir lumpuh.

"Difahamkan, di Tanjung Piandang sahaja pengusaha mampu memasarkan antara 1,000 hingga 2,000 tan metrik hasil ternakan ke pasaran Malaysia (tempatan), Singapura dan Thailand," katanya selepas melawat kawasan ternakan ikan sangkar Tanjung Piandang di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perikanan Perak, Zaki Mokhri dan Pegawai Daerah Kerian, Mohd Sabli Bakri.

Abdul Yunus berkata, kejadian itu adalah yang pertama berlaku kawasan ternakan ikan sangkar berkenaan selepas diusahakan 24 penternak sejak tujuh tahun lalu.

"Maklumat awal yang diperoleh dari Jabatan Perikanan mendapati punca kejadian disebabkan kandungan oksigen terlarut di kawasan itu yang terlalu rendah.

"Ia mungkin disebabkan kehadiran plankton dan alga yang banyak yang pada masa sama merubah kualiti air. Bagaimanapun, kita masih lagi menunggu keputusan ujian makmal," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri sedang berbincang dengan pihak berkaitan bagi mengambil tindakan dan langkah sewajarnya termasuk dari segi bantuan kepada pengusaha yang terjejas.

Katanya, hasil perbincangan awal bersama jabatan dan agensi berkaitan juga mendapati lokasi itu tidak sesuai lagi untuk aktiviti penternakan ikan sangkar dan mungkin dipindahkan bahagian tengah pantai pada jarak antara lima hingga tujuh kilometer (tiga hingga empat batu nautika).

"Pengusaha terbabit juga turut mengemukakan rayuan kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kerian bagi mengurangkan bayaran Lesen Menduduki Sementara yang dikira pada kadar 60 sen bagi semeter persegi.

"Perkara itu akan dibincangkan dan diputuskan selepas perbincangan dan perjumpaan khas antara pengusaha dan agensi dibuat dalam masa terdekat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2019	HARIAN METRO	SANTAI	70



PILIHAN penyelam skuba.

AIR yang Jernih kebiruan.

KEINDAHAN SEMULA JADI TERPELIHARA



Kejernihan air laut di Pulau Aur jadinya pilihan penyelam skuba nikmati keunikan flora dan fauna

Anisa Zahudin
anizazainudin@metro.com.my

Terletak kira-kira 77 kilometer (km) dari timur Merong, Pulau Aur tersenarai antara lima pulau di bawah Taman Marin Johor selain Pulau Dayang, Pulau Pinang, Pulau Lang dan Pulau Pemanggil.

Berbanding empat 'beradik' lain, Pulau Aur ini memiliki saiz keluasan yang jauh lebih kecil, kira-kira 28 km persegi dan jarang didiami kecuali kemeriahan dicipta pelancong.

Namun, tidak bererti pulau ini mempunyai kekurangan daripada aspek kepelbagaian spesies hidupan laut di perairannya mahupun kecantikan pantai dan alam di sekelilingnya.

Fakta sebenar, pulau adalah satu daripada pulau tropika yang paling tidak disentuh di negara ini sekali gus keindahan semula jadi terjamin termasuk perairan berwarna biru terang.

Atas faktor kejernihan dan kebiruan laut yang memukau membuatkan Pulau Aur sentiasa menjadi pilihan buat penyelam skuba untuk menikmati keindahan flora serta fauna lautan yang unik, terutama pada hujung minggu.

Pulau Aur memiliki latar belakang yang menarik



PELBAGAI hidupan laut.

apabila ia juga menjadi satu daripada tapak penyematan kerang gergasi.

Di sini juga terdapat tarikan Batu Berhala, batu bersaiz besar berbentuk singa yang mempunyai legenda tersendiri.

Bagi mereka yang gemar melakukan aktiviti merentas hutan, pastinya tertarik untuk memanjat batuan besar yang memerlukan mereka mengecilkan badan bagi melepasi trek berkenaan menuju ke kawasan berbeza. Lahuan ini mengambil

masa kira-kira satu jam, namun ia seakan-akan tidak terasa apabila pandangan mata lebih tertumpu kepada keindahan di sekeliling.

Selain itu, pulau indah ini masih mengekalkan budaya Melayu apabila penduduknya aktif bermain gasing pangkah sesama mereka.

Secara tidak langsung, permainan tradisional ini boleh dijadikan produk pelancongan yang boleh dikembangkan bagi mempromosikan Pulau Aur. Sebagai satu daripada

gugusan pulau indah di perairan Laut China Selatan, pulau ini mengalami musim tengkujuh bersama gelombang besar pada hujung tahun akibat tiupan angin timur laut.

Situasi ini menjadi halangan besar buat nelayan untuk turun ke laut mencari hasil tangkapan yang sermemangnya lumayan di perairan ini.

Berdasarkan sejarah, pada Januari 1804, Pulau Aur pernah menjadi persinggahan tentera Perancis di bawah arahan

Laksamana Linois bersama lima kapal perang bagi menjayakan misi pertempuran laut bersama British di Laut China Selatan.

Difahamkan terdapat beberapa resort dan chalet tersedia di pulau kecil ini. Sekiranya berniat untuk menikmati keajaiban ciptaan-Nya, kunjungan ke Pulau Aur boleh dilakukan dengan menaiki bot dari jeti Mersing, jeti Tanjung Leman ataupun jeti Tanjung Gemuk.



Gaya Island Resort marine biologist Scott Mayback says marine debris and fishing nets in conservation zones are not uncommon.

TUNKU ABDUL RAHMAN PARK

MARINE PARK STILL UNSAFE FOR TURTLES

Sea creatures threatened by heavy boats, marine debris, ghost nets

AVILA GERALDINE
KOTA KINABALU
avila@nst.com.my

DESPITE efforts to save turtles, the endangered species are still under threat, even within protected marine parks in the state, in particular the Tunku Abdul Rahman Park (TARP) near here.

Marine biologist Scott Mayback said the threats came in various forms, including heavy boat activities, marine debris, fish bombings and ghost nets.

"The ghost net is a major concern. People are still using it to catch fish, even within a protected marine park.

"Each year, we will find a few dead turtles in the marine parks. This year so far, there have been two discoveries," he told the *New Straits Times*.

Mayback, who oversees a turtle rescue centre at Gaya Island Resort, said round-the-clock enforcement was needed to ensure the protection of marine life.

He also stressed the need to reduce marine debris and limit boat use in certain areas, especially those covered with sea-

grass, a major component of the turtles' diets.

The protected TARP covers five islands, namely Sapi, Manukan, Mamutik, Sulug and Gaya. The heavily tourist-populated islands are Sapi, Manukan and Mamutik, while Gaya is the only inhabited island with a five-star luxury resort.

The presence of marine debris and fishing nets, trapping corals and marine life, in these conservation zones is not uncommon.

Recently, a diver stumbled upon a dead hawksbill sea turtle tangled in a fishing net at one of the diving spots within the protected TARP. Another diver found a bamboo shark trapped in the nets.

Over the years, the diving fraternity have taken it upon themselves to remove fishing nets underwater.

Last month, Sabah Parks divers fished out 72kg of ghost nets from the Manggaris dive site near Pulau Gaya and Coral Garden dive site near Pulau Sapi, during a clean-up effort.

Sabah Parks Board of Trustees' chairman Mohd Amin Abdul Mem had said most of the ghost nets — fishing nets that have been left or lost in the ocean — had drifted into the park area and became entangled in the coral reefs.

He noted Sabah Parks had received many complaints on the presence of ghost nets, stressing they would take immediate action to address this concern.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Sukar kekalkan tanah pertanian



Muhamad Aimy Ahmad
29 Ogos 2019 2:30 PM
12

JERLUN 29 Ogos - Kerajaan negeri tidak menafikan terpaksa menghadapi cabaran untuk mengekalkan status tanah pertanian di negeri ini berikutan keperluan pembangunan bagi tujuan perumahan yang sangat tinggi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, perkara itu tidak dapat dielak walaupun kerajaan mempunyai garis panduan bagi mengimbangi kedua-dua keperluan berkenaan.

Menurut beliau, kerajaan negeri turut berhadapan dengan situasi pemilik tanah yang menjual terus tanah masing-masing kepada syarikat pemaju perumahan.

"Ini cabaran yang kita perlu hadapi untuk mengimbangi keperluan jaminan bekalan makanan dan keperluan jumlah penduduk yang semakin ramai memerlukan rumah.

"Tetapi, kita ada garis panduan dan salah satu caranya dengan meningkatkan hasil pertanian melalui estet padi walaupun jumlah tanah terhad, selain itu kita juga akan menambah keluasan sawah di kawasan luar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) termasuk di kawasan pedalaman," katanya selepas Program Ambang Merdeka Parlimen Jerlun di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas gesaan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin agar kerajaan negeri tidak sewenang-wenangnya menukar syarat tanah pertanian di kawasan mereka untuk membolehkan pemaju membangunkan projek perumahan mahupun industri.

Tze Tzin dilaporkan berkata, kerajaan sentiasa menerima laporan berhubung penyusutan tanah sawah di negara ini berikutan pelbagai projek pembangunan, apatah lagi beras merupakan makanan ruji orang ramai.

Mengulas lanjut, Mukhriz yang juga Pengerusi MADA berkata, beliau memahami gesaan tersebut dan sentiasa peka serta meneliti keperluan berkenaan daripada semasa ke semasa.

Beliau juga menyatakan hasrat untuk membincangkan perkara itu dalam Konvensyen Padi Antarabangsa di negeri ini, bulan depan.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, Mukhriz mengalu-alukan pelaksanaan program makanan percuma mulai 2020 oleh Kementerian Pendidikan yang membantu pelajar terutamanya golongan kurang berkemampuan.

Katanya, makanan itu juga perlu berkhasiat bagi memastikan tumbesaran murid serta meningkatkan daya tumpuan mereka semasa belajar.

"Kita lihat sebelum ini, bukan saja murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah, pelajar institut pengajian tinggi juga ada yang ikat perut dan makan sekali sehari saja. Perkara-perkara inilah yang kita harus lihat kerana ia boleh memberi kesan kepada proses pembelajaran mereka," katanya. -UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/8/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Cari kaedah seimbangkan tanah pertanian, pembangunan



MUKHRIZ TUN MAHATHIR (dua dari kiri) menyerahkan cenderamata kepada wakil kontinjen Kadet Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam, Alif Nazran Adham Husaini yang memenangi perbarisan terbaik pada program Ambang Merdeka Parlimen Jerlun di Kompleks Sukan Jerlun, Kedah hari ini.

JERLUN 29 Ogos - Kerajaan Kedah sedang mencari kaedah untuk menyeimbangkan tanah pertanian dan pembangunan bagi memastikan keperluan jaminan bekalan makanan sebagai negeri jelapang padi, dan keperluan perumahan dapat dipenuhi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir berkata, kerajaan negeri sentiasa berhadapan dengan situasi apabila ada pemilik tanah pertanian yang menjual tanah mereka kepada pihak pemaju yang mahu melaksanakan projek pembangunan.

"Kita perlu mengimbangkan keperluan jaminan bekalan makanan dan keperluan jumlah penduduk yang semakin hari semakin ramai yang memerlukan perumahan. Sebab itu, salah satunya caranya ialah kita cuba meningkatkan hasil pertanian dengan menggunakan jumlah keluasan tanah yang terhad.

"Sekarang, kita masih mahu meluaskan kawasan pertanian dan kalau dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), kita cari kawasan pinggir yang boleh dibuat pertanian. Tetapi dalam masa sama, kerajaan negeri susah untuk halang kalau ada permintaan untuk membina rumah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin yang menggesa semua kerajaan negeri supaya tidak sewenang-wenangnya menukar syarat tanah pertanian untuk membolehkan pemaju membangunkan projek perumahan mahupun industri.

Terdahulu, Mukhriz yang juga Ahli Parlimen Jerlun merasmikan Program Ambang Merdeka Parlimen Jerlun di Kompleks Sukan Jerlun, yang disertai lebih 20 kontinjen yang berarak sejauh kira-kira 1.2 kilometer sambil membawa Jalur Gemilang dan bendera Kedah.

Sementara itu, mengenai inisiatif Kementerian Pendidikan yang mahu menyediakan sarapan percuma kepada murid sekolah rendah, Mukhriz berkata, kerajaan negeri sangat mengalu-alukan usaha kementerian tersebut.

"Bila kita selidik sebenarnya bukan setakat pelajar peringkat tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah yang tidak cukup makan tapi pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga dan ini boleh memberi kesan negatif kepada proses pembelajaran mereka.

"Bila tidak cukup makan, ia boleh menyebabkan sistem pembelajaran terbantut sebab itu bukan semata-mata sediakan makanan sahaja tetapi sediakan makanan yang berkhasiat untuk bolehkan murid memberi tumpuan dalam pembelajaran," katanya.

Sebelum ini, Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik berkata melalui program itu seramai 2.7 juta murid sekolah rendah akan disediakan makanan berpandukan menu sihat dan berkhasiat mulai Januari 2020. - BERNAMA

Headline	Petani disaran usahakan tanaman pertanian bernilai tinggi di pasaran		
MediaTitle	Sabah News Today (www.sabahnewstoday.com)		
Date	30 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	9	Readership	2
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

Petani disaran usahakan tanaman pertanian bernilai tinggi di pasaran

Oleh Sitti Nor Azizah TalataSIPITANG: Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal mahu golongan petani di negeri ini mengusahakan tananam pertanian yang mempunyai nilai tinggi di pasaran. Beliau berkata jenis tanaman sayuran serta buah-buahan yang mampu m...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)